

Memertabatkan semula sejarah maritim sebagai suatu disiplin dan cadang ilmu dalam mendepani perkembangan semasa ilmu kelautan moden

ABSTRAK

Laut dan lautan secara tradisinya telah menjadi sumber inspirasi untuk mencari kebenaran dan seterusnya berjaya menidakkan worldview manusia yang mengaitkannya dengan pelbagai unsur mitos dan tahyul. Laut dan lautan juga merupakan satu tempat yang mempunyai kelebihan tersendiri bagi menyatukan perhubungan di antara negara, membentuk semangat bersatu, saling memahami dan bersatupadu serta menjaga kekayaan. Ia adalah satu harta yang tidak ternilai, tidak boleh ditukar ganti dan diubah suai. Dalam pensejarahan awal maritim dunia telah memperlihatkan bagaimana para pelaut kuno dengan hanya berbekalkan kearifan lokal yang terhad terhadap alam kelautan tetap berhasil menakluki laut dan lautan utama dunia sehingga telah berjaya membangunkan sebuah peradaban sepertimana yang kita warisi pada masa kini. Seiring dengan perubahan ilmu pengetahuan dan perkembangan teknologi pada masa ini telah memperlihatkan kewujudan pelbagai bidang, disiplin dan aliran baharu dalam ilmu kelautan yang kini lebih dikenali sebagai oceanografi sahaja. Justru itu penelitian dan penulisan makalah ini bertujuan untuk memperlihatkan bagaimana sejarah maritim masih lagi relevan untuk terus dikaji dan dipelajari dan diangkat sebagai suatu bidang dan disiplin ilmu dalam ilmu kelautan dalam mendepani perubahan dan perkembangan terkini ilmu kelautan atau oceanografi dalam mencorakan perkembangan ilmu kelautan dan hala-tuju pembangunan agenda kelautan sesebuah negara.